

NOTIS PELAWAAN

MENYEWA, MENGURUS DAN MENYELENGGARA MEDAN SELERA PEREMBA, 05050 ALOR SETAR, KEDAH.

1. Tawaran ini terbuka kepada orang ramai dan pengusaha yang berpengalaman dan berminat untuk Menyewa, Mengurus dan Menyelenggara Medan Selera Peremba, 05050 Alor Setar, Kedah. Sehubungan itu, adalah dipelawa individu atau syarikat yang berminat untuk mengemukakan kertas cadangan "Request For Proposal" (RFP) bagi pengurusan premis di atas.

2. Tempoh notis pelawaan cadangan ini adalah seperti berikut:

Tarikh iklan : **23 DISEMBER 2023**

Tarikh tutup iklan : **07 JANUARI 2024**

Tarikh tutup penghantaran dokumen : **07 JANUARI 2024**

Jam 12.00 tengahari

Alamat premis : Medan Selera Peremba,
05050 Alor Setar, Kedah.

Skop kerja : Menyewa, Mengurus dan Menyelenggara Medan
Selera Peremba,05050
Alor Setar, Kedah.

Harga dokumen RFP : **RM 50.00**. Sebarang bentuk tuntutan semula bagi
pembelian dokumen tidak akan dikembalikan.

Tarikh dokumen dijual : **23 DISEMBER 2023**

Sewa bulanan/Harga lantai: **RM 4,200.00**

3. Pelawaan kepada Syarikat diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

4. Syarikat hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 221305 / 221506 / 221507.

5. Pemohon atau wakil yang sah sahaja hendaklah mengemukakan Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputra (jika ada) dan menyerahkan satu Salinan untuk simpanan Majlis Bandaraya Alor Setar.

6. Membeli dokumen dan seterusnya berdaftar pembekal dan kontraktor dengan Majlis Bandaraya Alor Setar serta perlu mengemukakan Salinan resit berkaitan dalam dokumen permohonan.
7. Pemohon tidak mempunyai apa-apa tunggakan dengan Majlis Bandaraya Alor Setar dan tidak diisytihar muflis.
8. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**.
9. Syarikat perlu menyediakan Lembaran Imbangan Akaun Syarikat bagi tahun terkini atau Penyata Akaun Bank Syarikat 6 Bulan terkini dengan pengesahan pegawai Bank.
10. Syarikat dipelawa mengemukakan cadangan pembangunan yang mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:
 - i. Profil Syarikat
 - ii. Cadangan Pembangunan
 - iii. Model Pembangunan/Tawaran Kepada Pemilik Premis
11. **Pemohon yang berminat hendaklah mengemukakan kertas cadangan yang mempunyai maklumat yang lengkap dan wajib mengikut garis panduan penyediaan kertas cadangan seperti di Borang A dan boleh didapati di:**

**Bahagian Bekalan Dan Kontrak,
Tingkat 8, Menara City Plaza,
Jalan Kolam Air, Alor Setar,
Kedah Darul Aman.**
12. Syarikat perlu mengambil borang tersebut sebagai panduan utama bagi cadangan syarikat. Hal ini akan dinilai oleh MBAS bagi setiap cadangan yang dikemukakan.
13. Syarikat perlu memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - i. Modal berbayar sekurang-kurangnya **RM15,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Belas Ribu Sahaja)**
14. Kertas cadangan pembangunan yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda No. sebutarga **MBAS/BBK/SHP/29-2023**. Kertas cadangan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat Jabatan Kewangan, Jalan Kolam Air, 05675 Alor Setar, Kedah selewatnya pada **07 JANUARI 2024**.

15. Pemohon yang tidak mendapat sebarang maklumbalas atau jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
16. Pengurus yang berjaya perlu mewakili peniaga di bawah seliannya untuk proses-proses pembayaran lesen perniagaan kecil/ lesen iklan dan lain-lain yang berkaitan di Bahagian Pengurusan Pasar Dan Penjaja Majlis Bandaraya Alor Setar setiap tahun untuk pembaharuan.
17. Pengurus yang berjaya perlulah memastikan keadaan keseluruhan gerai & kawasan sekitarnya bersih pada setiap masa.
18. Maklumat lanjut boleh menghubungi Unit Sewaan, Bahagian Pengurusan Pasar Dan Penjaja, MBAS di talian 04–7308751.
19. Butiran-butiran Gerai, Inventori Medan, syarat-syarat dan Pelan tataletak adalah seperti di lampiran.
20. Pengusaha yang Berjaya perlu memastikan setiap peniaga di bawah seliaanya memasang & menyelenggara Perangkap Minyak. Rujuk jadual 1 tatacara berkenaan menyelenggara Perangkap Minyak di **lampiran A**.
21. Pengusaha perlu memastikan peniaga di bawah seliaan membayar bil-bil utiliti sepanjang tempoh sewaan.